

Shell Privacy Policy

This is the Privacy Policy for the Mobile Motorist application. This Privacy Policy provides information on the processing of your personal data as a result of being (i) one of our customers, (ii) a member of the Loyalty Program, if applicable and/or (iii) a user of the Mobile Motorist application by Shell International B.V. or one of its affiliates (**Shell**).

This Privacy Policy may be changed over time. You are advised to regularly review the Privacy Policy for possible changes. This Privacy Policy was last changed on 12 January 2015.

Special Notice – age restriction

This App is intended for motorists only and should not be used by anyone who is not legally entitled to drive. If you are not legally entitled to drive please do not use this App and / or send us your personal data (for example your name, age, address or email address).

Shell Loyalty Program

The Shell loyalty program ("**Loyalty Program**") is unavailable in Malaysia as of the last update of this Privacy Policy. Given the foregoing, provisions of this Privacy Policy which relates or refers to the Loyalty Program shall only be applicable when the Loyalty Program is offered in Malaysia.

1. When is this Privacy Policy applicable?

This Privacy Policy is applicable to the processing of your personal data as a result of being (i) one of our customers, (ii) a member of the Loyalty Program and/or (iii) a user of the Mobile Motorist App (**App**).

In the App you may find a number of links to other websites or applications. Although these websites or applications are selected with care, we are not responsible for the processing of your personal data through these websites or applications. This Privacy Policy is therefore not applicable to the use of such websites or applications.

2. Who is the controller of your data?

Shell International B.V., a company registered in The Netherlands with registered number 27155369 whose registered office is at Carel van Bylandtlaan 30, 2596 HR The Hague, The Netherlands, is the ultimate controller for the processing of your personal data.

3. For what purpose do we process your personal data?

In this Privacy Policy we describe what personal data we process and for what purposes.

3.1 Customer service and relationship management

What does this purpose entail?

If you contact our Customer Service Centre with a question or a complaint, we may ask you for certain information to identify yourself and to help us respond to your enquiry. We use any personal data supplied only for this purpose and to improve our customer support services.

Which personal data do we process for this purpose?

To be able to respond appropriately to your question or complaint, we note details of your question or complaint in our customer database. We may also ask you for contact details in order to keep you informed about your question or complaint. If you have a question or complaint relating to your participation in our Loyalty Program (e.g. your account balance, gift deliveries), we may also ask for additional personal details to confirm your identity.

3.2. Participate in promotions

What does this purpose entail?

Shell regularly runs promotions for its customers. In some cases we will ask you to provide us with your personal data through a registration form, advertisement or website in order to participate in the promotion.

Which personal data do we process for this purpose?

If you choose to participate in such promotions, we may process the personal data provided by you (including your name, age, address and e-mail address) in order to register or confirm your participation, to determine whether you fulfill the promotion conditions and to send you any prizes or benefits. Depending on the promotion we may also process information on your participation in the promotion, such as scores, submissions or prizes/benefits won.

3.3 Development and improvement of products and services

What does this purpose entail?

Shell regularly conducts market research with its customers through the use of surveys. We use your responses to such surveys for quality assessments and to improve your customer experience.

Which personal data do we process for this purpose?

If you choose to participate in our surveys, we may process the personal data provided by you (including your name, age, address and e-mail address).

3.4 General Offers

What does this purpose entail?

As a customer of Shell or a member of our Loyalty Program, you may receive general offers and information from Shell ("**General Offers**").

With General Offers, we would like to notify you of Shell products, events and promotions that may be of interest to you. Such General Offers may include but are not limited to the issue of:

- electronic newsletters with offers and general information;
- bonus Loyalty Program points in respect of qualifying purchases;
- Shell fuel or shopping vouchers;
- discount coupons for Shell shop products.

You may receive your General Offers by regular mail, email, SMS, through the Loyalty Program Website, App (through push notifications), social media, coupons or any other digital channels used by you. If you are a Loyalty customer you may adjust your Contact Preferences & Account Settings at any time via the Loyalty Program Website.

Which personal data do we process for this purpose?

For sending you General Offers, we may process the personal data provided by you (including your name, age, address and e-mail address).

Opting out of General Offers

You can at any time stop receiving General Offers by opting out. We will delete or render anonymous any personal data that is no longer needed to serve you with General Offers.

3.5 Personalised Offers

What does this purpose entail?

As a customer of Shell or a member of our Loyalty Program, you may receive offers from Shell that are tailored towards your personal preferences based on analyzing your purchase history, your participation in promotions, surveys, the Loyalty Program and your use of Websites, Apps and other digital channels ("**Personalised Offers**").

With Personalised Offers, we would like to notify you of Shell products, events and promotions that we believe may be of interest to you. Such Personalised Offers may include but are not limited to the issue of:

- bonus Loyalty Program points in respect of qualifying purchases;
- Shell fuel or shopping vouchers;
- discount coupons for Shell shop products.

You may receive your Personalised Offers by regular mail, email, SMS, through the Loyalty Program Website, App (through push notifications), social media, coupons or any other digital channels used by you. If you are a Loyalty customer you may adjust your Contact Preferences & Account Settings at any time via the Loyalty Program Website.

Which personal data do we process for this purpose?

In order to be able to provide you with Personalised Offers, Shell needs to understand your preferences. In order to be able to determine your preferences, Shell will analyse:

- Your purchase history;

This includes data regarding (i) specific products you buy, (ii) the total amount of your purchases per transaction, (iii) the time and place of the purchases you make and (iv) the payment method you use.

- How you choose to redeem your awarded points;

This includes data regarding (i) the type and description of the award you have chosen, (ii) the quantities of awards you have chosen, (iii) the amount of points you have redeemed, (iv) the frequency and time of redemption of your points and (v) delivery method used to deliver your award (if any).

- If, how and where you redeem offers (including coupons);
- Your use of the Website, App and e-mails you receive from us

This includes data regarding (i) the links you click on the Website, (ii) the number of times you login to your online Loyalty Program account, (iii) your location based on your IP-address, (iv) how you respond to or engage with e-mails sent by us, and (v) how you use the App (including your location as obtained through our App if this is something that you have previously consented to).

- Your participation in promotions
- Your responses to surveys

In order to determine your preferences, Shell may also combine your personal data already known by affiliates of Shell including your use of:

- the Loyalty Program;
- Websites, App, coupons, social media, survey's, promotions and other digital channels;
- Shell branded fuel cards and other payment cards at Shell retail sites, along with purchases of customers with similar interests and supplemental socio-demographic information about you from third party sources in order to analyse your previous purchases.

Opting out of Personalised Offers

You can at any time stop receiving Personalised Offers by opting out. We will in such case stop analysing your personal data and purchasing habits, and delete or render anonymous any personal data that is no longer needed to serve you with Personalised Offers.

3.6 Administering our Loyalty Program

What does this purpose entail?

We process your personal data in order to administer your participation in our Loyalty Program.

Which personal data do we process for this purpose?

We may process any or all of the personal data provided by you during your enrollment in the Loyalty Program, such as your name, age, address and e-mail address.

Opting out of the Loyalty Program

You can choose to discontinue your participation in the Loyalty Program entirely at any time by opting out in accordance with the Loyalty Program Terms and Conditions. We will then delete or render anonymous any personal data you provided to us when you enrolled for the Loyalty Program.

3.7 Technical and functional management of the Website and App

What does this purpose entail?

When you visit or use the Website or App, we process some technical information about you (such as your IP address) to provide you the functionalities of our online services and to manage them. With this technical information we are able to manage the Website and Apps, for example to resolve technical failures or to improve their reliability.

Which personal data do we process for this purpose?

We process technical data such as the IP address of your computer, tablet or smartphone, details of the pages you have visited on the Website or App, the web browser you use to surf, previous/subsequent sites that you have visited and the length of your visit/session.

3.8 The generation of management information and statistical data

What does this purpose entail?

Shell performs research into market trends through statistical analysis. We use the results of such research to evaluate our current products and services and to adapt our products, marketing and service stations to new developments. The research results are only reported on an aggregate basis.

3.9 Preventing, detecting and investigating fraud

What does this purpose entail?

Shell may use the personal data you provide Shell to prevent, detect and investigate fraud and to enforce its Terms and Conditions.

3.10 Feedback and forum facilities

If at any time this App offers any feedback and/or forum facilities (or similar), Shell may collect the information that you disclose in using such facilities. Such information will be used in accordance with this Privacy Policy. Please note that Shell cannot be held responsible for other parties' use of the personal data which you make available to such third parties through any feedback or forum facilities in this application. Please be careful about what personal data you disclose in this way.

4. Who has access to your data?

Shell may disclose your personal data to any of the following:

- Authorized third party companies involved in the operation of the Loyalty Program, such as any other company that is permitted to supply products and/or services to Loyalty Program members;
- Any agents, service providers and/or subcontractors of Shell and its affiliates;
- Any person to whom Shell proposes to transfer any of its rights and/or duties.

Shell uses third parties for certain processings, such as website hosting. The collected personal data may be transferred to authorized third parties, which may be located outside of Malaysia as part of the services offered to you. By way of example, this may happen if any of our servers are from time to time located in a country outside of Malaysia or one of our service providers is located in a country outside of Malaysia. As far as these third parties have access to personal data in order to execute these processings, Shell has taken the required organizational and/or contractual measures to ensure that your personal data is exclusively processed for the purposes mentioned above and that adequate levels of protection have been implemented in order to safeguard your personal data.

With your consent, Shell may also share your information with other third parties such as our business and/or Loyalty Program partners. These third parties will use your information for the purposes detailed in this Privacy Policy.

Except as set out in this Privacy Policy, we will not disclose any personal data without your permission unless we are legally entitled or required to do so or if we believe that such action is necessary to protect and/or defend our rights, property or personal safety and those of our users/customers or other individuals. Only if Shell is required to do so by law, will your personal data be provided to supervisory agencies, fiscal authorities and investigative agencies.

5. For what period do we retain your personal data?

Upon your request to discontinue your participation in the Loyalty Program or by deleting the App we will close the applicable accounts as soon as reasonably possible. We will also close or deactivate inactive customer accounts and close accounts that are used in violation of this Privacy Policy or applicable Terms and Conditions. Personal data from closed or deactivated accounts will be deleted or rendered anonymous as soon as is reasonably possible. Under certain circumstances we will retain personal data from closed or deactivated accounts for longer, such circumstances being the prevention of fraud or to otherwise take actions permitted or required by law.

6. Which cookies does Shell use?

The Website and/or App uses cookies or similar technology. A cookie is a small text file that is sent to your internet browser so that we are able to recognise your browser when you return. Shell and its authorised service providers may use small graphic images known as 'clear GIFs' that work in conjunction with cookies to identify you and your use of the Website and/or App. Shell and such service providers may also use other technologies to store information in your browser utilising local shared objects or local storage, such as HTML 5 cookies, flash cookies and other web application software methods.

Using these technologies we can collect data on the use of the Website and/or App such as which pages are visited, your interaction with information on the Website and the duration of your visit.

Functional cookies – Shell stores cookies that are essential in providing the functionalities of the Website and/or App. For instance, the cookies remember your preferences, such as language and region, which remain as your default settings when you revisit the Website and/or App. However, should you wish to do so, you can choose to reject or block the cookies set by Shell by changing your browser settings – see the Help function within your browser for further details.

Web analytics cookies – Shell may use third party cookies for web analysis. Such cookies allow Shell to analyse the usage of the Website and/or App. This relies on aggregated statistical data that Shell's authorised service providers provide Shell and allows Shell to understand the way you use the Website and/or App. Shell and such service providers may only provide such data to third parties if this is required by law.

Advertising cookies – Shell may use third party cookies for advertising purposes. Shell may use authorised service providers to serve advertising on the Website and/or App and other websites on the internet. Such service providers may place cookies on your browser, and may collect information that helps them identify your device, such as IP-address, or other unique or device identifiers.

Shell does not retain a cookie longer than necessary. We use session cookies and permanent cookies:

- A session cookie can track usage such as the webpages you visit and what options you use. When you close the internet browser, the session is ended and the cookie is deleted.
- A permanent cookie enables the Website and/or App to recognize you at a subsequent visit. It remains on your system until you delete it.

Please note that most browsers automatically accept cookies so if you do not wish cookies to be used you may need to actively delete or block the cookies.

You can also visit www.allaboutcookies.org for details on how to delete or reject cookies and for further information on cookies generally. For information on the use of cookies in mobile phone browsers and for details on how to reject or delete such cookies, please refer to your handset manual.

Note, however, that if you reject the use of cookies you will still be able to visit our websites but some of the functions may not work correctly and you may no longer be able to use all the functionalities of the Website and/or App.

7. If you communicate with us through social media

Sharing our Website or content through social media

If you choose to share our Website, App or content through social media such as LinkedIn, Facebook and/or Twitter, your personal data (such as your name and the fact that you are interested in Shell) will also be visible to all the visitors of your personal webpage on LinkedIn, Facebook and/or Twitter. On the use of such social media websites only the terms and conditions (including the privacy policy) of the social media website apply. Shell is not responsible for the processing of personal data or the privacy policy of such social media websites, and Shell's Privacy Policy is therefore not applicable.

Our Facebook page

We have a Facebook page. When you communicate with us through our Facebook page (for example, when you post a comment, upload media, send a personal message or become a fan of us by clicking the "Like" button, we may receive personal data about you (such as your (user) name, profile photo, your hometown, your email address and your gender). How we use your personal data, is described in the applicable Facebook Privacy Policy, which applies in addition to (i) this Privacy Policy and (ii) the terms of use and other statements from Facebook. Shell encourages you to carefully read the terms of use and other statements of Facebook. Such terms of use and other statements may differ from this Privacy Policy.

8. How do we secure your personal data?

We have implemented technology and policies with the objective of protecting your privacy from unauthorised access and improper use.

9. Who to address regarding questions and requests of access, removal etc.

We aim to keep our data about you as accurate as possible. If you would like to review, change or delete the details you have supplied to us, please email SITI-MLM-Support@shell.com.

10. Privacy Policy in Bahasa Malaysia

This Privacy Policy is also provided in Bahasa Malaysia. In the event of inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail.

Polisi Privasi Shell

Ini ialah Polisi Privasi untuk aplikasi 'Mobile Motorist'. Polisi Privasi ini memberi maklumat tentang pemprosesan data peribadi anda kerana anda adalah (i) salah seorang daripada pelanggan kami, (ii) ahli Program Kesetiaan, jika berkenaan dan/atau (iii) pengguna aplikasi 'Mobile Motorist' oleh Shell International B.V. atau salah satu daripada ahli gabungannya (**Shell**).

Polisi Privasi ini boleh diubah mengikut masa. Anda dinasihatkan agar selalu menyemak Polisi Privasi untuk mengikuti perubahan yang mungkin ada. Kali terakhir Polisi Privasi ini diubah ialah pada 12.01.2015.

Notis Khas – sekatan umur

Aplikasi ini ditujukan kepada pemandu kereta sahaja dan tidak boleh digunakan oleh sesiapa yang tidak berhak secara sah untuk memandu. Jika anda tidak berhak secara sah untuk memandu, jangan gunakan Aplikasi ini dan / atau menghantar kepada kami data peribadi anda (sebagai contoh nama, umur, alamat atau alamat e-mel anda).

Program Kesetiaan Shell

Program kesetiaan Shell ("**Program Kesetiaan**") tidak tersedia di Malaysia menurut kemas kini terakhir Polisi Privasi ini. Seperti yang disebutkan di atas, peruntukan Polisi Privasi ini yang berkaitan atau merujuk kepada Program Kesetiaan hanya akan diguna pakai apabila Program Kesetiaan ditawarkan di Malaysia.

1. Bilakah Polisi Privasi ini diguna pakai?

Polisi Privasi ini diguna pakai semasa memproses data peribadi anda kerana anda adalah (i) salah seorang daripada pelanggan kami, (ii) ahli Program Kesetiaan dan/atau (iii) pengguna Aplikasi 'Mobile Motorist' (**App**).

Dalam App ini anda akan menemui beberapa pautan kepada laman web atau aplikasi lain. Walaupun laman web atau aplikasi tersebut dipilih dengan teliti, kami tidak bertanggungjawab ke atas pemprosesan data peribadi anda melalui laman web atau aplikasi tersebut. Oleh itu, Polisi Privasi ini tidak diguna pakai bagi penggunaan laman web atau aplikasi tersebut.

2. Siapakah pengawal data anda?

Shell International B.V., sebuah syarikat yang berdaftar di Belanda dengan nombor berdaftar 27155369 dengan pejabat yang berdaftar di Carel van Bylandtlaan 30, 2596 HR The Hague, Belanda, ialah pengawal utama bagi data peribadi anda.

3. Untuk tujuan apakah kami memproses data peribadi anda?

Dalam Polisi Privasi ini, kami menerangkan jenis data peribadi yang kami proses dan tujuannya.

3.1 Khidmat pelanggan dan pengurusan hubungan

Apakah yang dirangkumi dalam tujuan ini?

Jika anda menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami dengan soalan atau aduan, kami boleh meminta maklumat tertentu daripada anda untuk mengenal pasti diri anda dan untuk membantu kami menjawab pertanyaan anda. Kami menggunakan apa-apa data peribadi yang diberikan hanya untuk tujuan ini dan untuk meningkatkan khidmat sokongan pelanggan kami.

Data Peribadi manakah yang kami proses untuk tujuan ini?

Untuk dapat menjawab soalan atau aduan anda dengan sewajarnya, kami mencatatkan butiran soalan atau aduan anda dalam pangkalan data pelanggan kami. Kami boleh juga meminta butiran hubungan anda agar dapat memaklumkan anda tentang soalan atau aduan anda. Jika anda mempunyai soalan atau aduan yang berkaitan dengan penyertaan anda dalam Program Kesetiaan (cth. baki akaun, penghantaran hadiah anda), kami boleh juga meminta butiran peribadi tambahan untuk mengesahkan identiti anda.

3.2 Menyertai promosi

Apakah yang dirangkumi dalam tujuan ini?

Shell sering menjalankan promosi untuk pelanggannya. Dalam sesetengah keadaan kami akan meminta anda untuk memberikan data peribadi anda kepada kami melalui borang pendaftaran, iklan atau laman web untuk menyertai promosi tersebut.

Data peribadi manakah yang kami proses untuk tujuan ini?

Jika anda memilih untuk menyertai promosi tersebut, kami boleh memproses data peribadi yang anda berikan (termasuk nama, umur, alamat dan alamat e-mel anda) untuk mendaftar atau mengesahkan penyertaan anda, untuk menentukan sama ada anda memenuhi syarat promosi dan untuk menghantar sebarang hadiah atau manfaat kepada anda. Bergantung pada promosi tersebut, kami boleh juga memproses maklumat tentang penyertaan anda dalam promosi, seperti skor, serahan atau hadiah/manfaat yang dimenangi.

3.3 Pembangunan dan peningkatan produk dan perkhidmatan

Apakah yang dirangkumi dalam tujuan ini?

Shell sering menjalankan penyelidikan pasaran dengan pelanggannya melalui penggunaan tinjauan. Kami menggunakan respons anda kepada tinjauan tersebut untuk membuat penilaian kualiti dan untuk meningkatkan pengalaman pelanggan anda.

Data peribadi manakah yang kami proses untuk tujuan ini?

Jika anda memilih untuk menyertai tinjauan kami, kami boleh memproses data peribadi yang anda berikan (termasuk nama, umur, alamat dan alamat e-mel anda).

3.4 Tawaran Umum

Apakah yang dirangkumi dalam tujuan ini?

Sebagai pelanggan Shell atau ahli Program Kesetiaan kami, anda boleh menerima tawaran umum dan maklumat daripada Shell ("**Tawaran Umum**").

Melalui Tawaran Umum, kami ingin memaklumkan kepada anda tentang produk, acara dan promosi Shell yang mungkin menarik minat anda. Tawaran Umum tersebut mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran:

- surat berita elektronik dengan tawaran dan maklumat umum;
- mata Program Kesetiaan bonus berhubung dengan pembelian yang layak;
- Minyak Shell atau baucar membeli-belah;
- kupon diskaun untuk produk gedung Shell.

Anda boleh menerima Tawaran Umum anda melalui mel biasa, e-mel, SMS, melalui Laman Web Program Kesetiaan, App (melalui pemberitahuan tolak), media sosial, kupon atau sebarang saluran digital lain yang anda gunakan. Jika

anda seorang pelanggan Kesetiaan, anda boleh mengubah suai Keutamaan Hubungan & Tetapan Akaun anda pada bila-bila masa melalui Laman Web Program Kesetiaan.

Data peribadi manakah yang kami proses untuk tujuan ini?

Untuk menghantar Tawaran Umum kepada anda, kami boleh memproses data peribadi yang anda berikan (termasuk nama, umur, alamat dan alamat e-mel anda).

Memilih keluar daripada Tawaran Umum

Anda boleh berhenti menerima Tawaran Umum dengan memilih untuk keluar pada bila-bila masa. Kami akan memadamkan atau mengeluarkan nama daripada sebarang data peribadi yang tidak lagi diperlukan untuk memberi layanan kepada anda melalui Tawaran Umum.

3.5 Tawaran yang Diperibadikan

Apakah yang dirangkumi dalam tujuan ini?

Sebagai pelanggan Shell atau ahli Program Kesetiaan kami, anda boleh menerima tawaran daripada Shell yang direka khas untuk keutamaan anda berdasarkan kepada analisis sejarah pembelian, penyertaan dalam promosi, tinjauan, Program Kesetiaan dan penggunaan Laman Web, Aplikasi dan lain-lain saluran digital ("**Tawaran Diperibadikan**").

Melalui Tawaran Diperibadikan, kami ingin memaklumkan kepada anda tentang produk, acara dan promosi Shell yang mungkin menarik minat anda. Tawaran Diperibadikan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran:

- mata Program Kesetiaan bonus berhubung dengan pembelian yang layak;
- minyak Shell atau bawcar membeli-belah;
- kupon diskaun untuk produk gedung Shell.

Anda boleh menerima Tawaran Diperibadikan melalui mel biasa, e-mel, SMS, melalui Laman Web Program Kesetiaan, App (melalui pemberitahuan tolak), media sosial, kupon atau sebarang saluran digital lain yang anda gunakan. Jika anda seorang pelanggan Kesetiaan, anda boleh mengubah suai Keutamaan Hubungan & Tetapan Akaun anda pada bila-bila masa melalui Laman Web Program Kesetiaan.

Data Peribadi manakah yang kami proses untuk tujuan ini?

Bagi memberikan anda Tawaran Diperibadikan, Shell perlu memahami keutamaan anda. Bagi menentukan keutamaan anda, Shell akan menganalisis:

- Sejarah pembelian anda;

Ini termasuk data berkaitan (i) produk khusus yang anda beli, (ii) jumlah keseluruhan pembelian bagi setiap transaksi, (iii) masa dan tempat pembelian anda dan (iv) kaedah bayaran yang anda gunakan.

- Bagaimana anda memilih untuk menebus mata ganjaran anda;

Ini termasuk data berkaitan (i) jenis dan penerangan ganjaran yang anda pilih, (ii) kuantiti ganjaran yang anda pilih, (iii) jumlah mata yang anda telah tebus, (iv) kekerapan dan masa tebusan mata anda dan (v) kaedah penghantaran yang digunakan untuk menghantar ganjaran anda (jika ada).

- Jika, bagaimana dan di mana anda menebus tawaran (termasuk kupon);
- Penggunaan Laman Web, Aplikasi dan e-mel yang anda terima daripada kami

Ini termasuk data berkaitan (i) pautan yang anda klik pada Laman Web, (ii) berapa kali anda log masuk ke akaun Program Kesetiaan anda, (iii) lokasi anda berdasarkan alamat IP anda, (iv) bagaimana anda respons atau melibatkan diri dengan e-mel yang kami hantar, dan (v) bagaimana anda menggunakan Aplikasi (termasuk lokasi anda seperti yang didapati menerusi Aplikasi kami jika ini sesuatu yang anda telahersetujui sebelum ini).

- Penglibatan anda dalam promosi.
- Respons anda kepada tinjauan.

Untuk menentukan keutamaan anda, Shell juga boleh menggabungkan data peribadi anda yang telah diketahui oleh sekutu Shell termasuk penggunaan:

- Program Kesetiaan;
- Laman web, Aplikasi, kupon, media sosial, tinjauan, promosi dan saluran digital lain;
- Kad minyak berjenama Shell dan kad bayaran lain di laman runcit Shell, bersama dengan pembelian daripada pelanggan dengan minat yang sama dan maklumat sosio demografi yang sama mengenai anda daripada sumber pihak ketiga untuk menganalisis pembelian anda sebelum ini.

Memilih keluar daripada Tawaran Diperibadikan

Anda boleh berhenti menerima Tawaran Diperibadikan dengan memilih untuk keluar pada bila-bila masa. Dalam hal ini kami akan berhenti menganalisis data peribadi dan tabiat pembelian anda dan memadam atau mengeluarkan nama daripada sebarang data peribadi yang tidak lagi diperlukan untuk memberikan anda Tawaran Diperibadikan.

3.6 Mentadbir Program Kesetiaan kami

Apakah yang dirangkumi dalam tujuan ini?

Kami memproses data peribadi anda untuk mentadbir penyertaan anda dalam Program Kesetiaan kami.

Data Peribadi manakah yang kami proses untuk tujuan ini?

Kami boleh memproses mana-mana atau semua data peribadi yang anda berikan semasa pendaftaran Program Kesetiaan, seperti nama, umur, alamat dan alamat e-mel anda.

Memilih keluar daripada Program Kesetiaan

Anda boleh memilih untuk menghentikan penyertaan anda dalam Program Kesetiaan secara keseluruhan pada bila-bila masa dengan memilih keluar menurut Terma dan Syarat Program Kesetiaan. Kami kemudiannya akan memadam atau mengeluarkan nama daripada mana-mana data peribadi yang telah anda berikan kepada kami apabila anda mendaftar dalam Program Kesetiaan tersebut.

3.7 Pengurusan teknikal dan kefungsi Laman Web dan Aplikasi

Apakah yang dirangkumi dalam tujuan ini?

Apabila anda melawat atau menggunakan Laman web atau Aplikasi, kami memproses beberapa maklumat teknikal mengenai anda (seperti alamat IP anda) untuk menyediakan kefungsi perkhidmatan dalam talian kepada anda dan untuk menguruskannya. Dengan maklumat teknikal ini kami dapat menguruskan Laman Web dan Aplikasi, contohnya untuk menyelesaikan kegagalan teknikal atau mempertingkatkan kebolehpercayaannya.

Data peribadi manakah yang kami proses untuk tujuan ini?

Kami memproses data teknikal seperti alamat IP komputer, tablet atau telefon pintar anda, butiran halaman yang telah anda lawati pada Laman Web atau Aplikasi, pelayar web yang anda guna, laman sebelum/selepas yang anda lawati dan tempoh lawatan/sesi anda.

3.8 Penjanaaan maklumat pengurusan dan data statistik

Apakah yang dirangkumi dalam tujuan ini?

Shell menjalankan penyelidikan ke atas trend pasaran melalui analisis statistik. Kami menggunakan hasil carian untuk menilai produk dan perkhidmatan semasa kami dan untuk menyesuaikan produk, pemasaran dan stesen perkhidmatan kepada pembangunan baharu. Hasil penyelidikan hanya dilaporkan berdasarkan agregat.

3.9 Mencegah, mengesan dan menyiasat penipuan.

Apakah yang dirangkumi dalam tujuan ini?

Shell boleh menggunakan data peribadi yang anda berikan kepada Shell untuk mencegah, mengesan dan menyiasat penipuan dan untuk menguatkuasakan Terma dan Syarat ini.

3.10 Kemudahan maklum balas dan forum

Jika pada bila-bila masa App ini menawarkan sebarang kemudahan maklum balas dan/atau forum (atau yang serupa), Shell boleh mengumpulkan maklumat yang anda dedahkan dengan menggunakan kemudahan tersebut. Maklumat tersebut akan digunakan mengikut Polisi Privasi ini. Harap maklum bahawa Shell tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas penggunaan data peribadi ini oleh pihak lain, yang telah anda sediakan kepada pihak ketiga tersebut melalui sebarang kemudahan maklum balas atau forum dalam aplikasi ini. Sila berhati-hati mengenai data peribadi yang anda dedahkan dalam cara ini.

4. Siapakah yang mempunyai akses kepada data anda?

Shell boleh mendedahkan data peribadi anda kepada mana-mana yang berikut:

- Syarikat pihak ketiga yang dibenarkan yang terlibat dalam pengendalian Program Kesetiaan, seperti syarikat lain yang dibenarkan untuk membekalkan produk dan/atau perkhidmatan kepada ahli Program Kesetiaan;
- Mana-mana ejen, pembekal perkhidmatan dan/atau subkontraktor Shell dan ahli gabungannya;
- Sesiapa yang Shell telah cadangkan untuk memindahkan mana-mana daripada haknya dan /atau tanggungjawabnya.

Shell menggunakan pihak ketiga untuk pemprosesan yang tertentu, seperti pengehosan laman web. Data peribadi yang dikumpulkan boleh dipindahkan ke pihak ketiga yang dibenarkan, yang mungkin terletak di luar Malaysia sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang ditawarkan kepada anda. Sebagai contoh, ini boleh berlaku jika mana-mana daripada pelayan kami, dari masa ke masa, terletak di negara di luar Malaysia atau satu daripada pembekal perkhidmatan kami terletak di negara di luar Malaysia. Meskipun pihak ketiga ini mempunyai akses kepada data peribadi untuk melaksanakan pemprosesan ini, Shell telah mengambil langkah-langkah organisasi dan/atau kontraktual yang diperlukan untuk memastikan data peribadi anda diproses secara eksklusif untuk tujuan yang disebutkan di atas dan bahawa tahap perlindungan yang sewajarnya telah dilaksanakan untuk melindungi data peribadi anda.

Dengan persetujuan anda, Shell boleh juga berkongsi maklumat anda dengan pihak ketiga yang lain seperti rakan niaga dan/atau Program Kesetiaan kami. Pihak ketiga ini akan menggunakan maklumat anda untuk tujuan yang dihuraikan dalam Polisi Privasi ini .

Kecuali seperti yang ditetapkan dalam Polisi Privasi ini, kami tidak akan mendedahkan sebarang data peribadi tanpa kebenaran anda melainkan jika kami berhak atau diminta secara sah untuk melakukannya atau jika kami percaya bahawa tindakan tersebut adalah perlu untuk melindungi dan/atau membela hak, harta atau keselamatan peribadi kami dan milik pengguna/pelanggan kami atau individu lain. Hanya jika Shell dikehendaki melakukannya oleh undang-undang, maka data peribadi anda akan diberikan kepada agensi penyeliaan, pihak berkuasa fiskal dan agensi penyiasatan.

5. Berapa lamakah tempoh kami mengekalkan data peribadi anda?

Setelah menerima permohonan anda untuk menghentikan penyertaan anda dalam Program Kesetiaan atau dengan memadam App, kami akan menutup akaun yang berkenaan secepat yang semunasabah mungkin. Kami juga akan menutup atau dinyahaktifkan akaun pelanggan yang tidak aktif dan menutup akaun yang telah digunakan dalam pelanggaran Polisi Privasi atau Terma dan Syarat yang berkuat kuasa. Data peribadi daripada akaun yang ditutup atau dinyahaktifkan akan dipadam atau dijadikan tanpa nama secepat yang semunasabah mungkin. Dalam keadaan yang tertentu, kami akan mengekalkan data peribadi daripada akaun yang ditutup atau dinyahaktifkan untuk masa yang lebih lama, keadaan yang tertentu adalah seperti pencegahan terhadap penipuan atau sebaliknya untuk mengambil tindakan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang.

6. Kuki manakah yang Shell gunakan?

Laman web dan/atau App menggunakan kuki atau teknologi yang serupa. Kuki ialah fail teks kecil yang dihantar ke pelayar internet anda agar kami dapat mengenali pelayar anda apabila anda kembali. Shell dan pembekal perkhidmatan yang dibenarkan boleh menggunakan imej grafik kecil yang dikenali sebagai 'Clear GIFs' yang berfungsi bersama-sama kuki untuk mengenal pasti anda dan penggunaan Laman web dan/atau App anda. Shell dan pembekal perkhidmatan tersebut boleh juga menggunakan teknologi lain untuk menyimpan maklumat dalam pelayar anda menggunakan objek setempat yang dikongsi atau storan setempat, seperti kuki HTML 5, kuki flash dan kaedah perisian aplikasi web lain.

Melalui teknologi ini kami boleh mengumpulkan data tentang penggunaan Laman web dan/atau App seperti halaman yang dilawati, interaksi anda dengan maklumat di Laman web dan tempoh lawatan anda.

Kuki kefungsiian – Shell menyimpan kuki yang penting dalam menyediakan kefungsiian Laman web dan/atau App. Sebagai contoh, kuki mengingati keutamaan anda, seperti bahasa dan rantau, yang kekal sebagai tetapan lalai anda apabila anda melawati semula Laman web dan/atau App. Walau bagaimanapun, sekiranya anda ingin melakukannya, anda boleh memilih untuk menolak atau menyekat kuki yang ditetapkan oleh Shell dengan menukar tetapan pelayar anda - lihat fungsi 'Help' dalam pelayar anda untuk mendapatkan butiran lanjut.

Kuki analisis web – Shell boleh menggunakan kuki pihak ketiga untuk analisis web. Kuki tersebut membolehkan Shell menganalisis penggunaan Laman web dan/atau App. Ini bergantung pada data statistik beragregat yang pembekal khidmat Shell yang sah sediakan untuk Shell dan membolehkan Shell memahami cara anda menggunakan Laman web dan/atau App. Shell dan pembekal khidmat tersebut hanya boleh menyediakan data tersebut kepada pihak ketiga jika dikehendaki oleh undang-undang.

Kuki pengiklanan – Shell boleh menggunakan kuki pihak ketiga untuk tujuan pengiklanan. Shell boleh menggunakan pembekal khidmat yang dibenarkan untuk menyiarkan iklan di Laman web dan/atau App dan laman web lain di internet. Pembekal khidmat tersebut boleh meletakkan kuki pada halaman anda dan boleh mengumpulkan maklumat yang membantu mereka untuk mengenal pasti peranti anda, seperti alamat IP, atau pengecam unik atau peranti yang lain.

Shell tidak mengekalkan kuki lebih lama daripada yang diperlukan. Kami menggunakan kuki sesi dan kuki kekal:

- Kuki sesi boleh menjejak penggunaan seperti halaman web yang anda lawati dan pilihan yang anda gunakan. Apabila anda menutup pelayar internet, sesi ditamatkan dan kukinya dipadam.
- Kuki kekal membolehkan Laman web dan/atau App mengenal pasti anda pada lawatan yang seterusnya. Kuki tersebut akan kekal pada sistem anda sehingga anda memadamnya.

Sila ambil perhatian bahawa kebanyakan pelayar menerima kuki secara automatik, jadi jika anda tidak mahu kuki digunakan, anda mungkin perlu memadam atau menyekat kuki secara aktif.

Anda juga boleh melawat www.allaboutcookies.org untuk butiran mengenai bagaimana untuk memadam atau menolak kuki dan maklumat selanjutnya mengenai kuki secara umum. Untuk maklumat mengenai penggunaan kuki dalam pelayar telefon mudah alih dan untuk butiran mengenai bagaimana untuk menolak atau memadam kuki ini, sila rujuk manual telefon bimbit anda.

Walaupun bagaimanapun, harap maklum, bahawa jika anda menolak penggunaan kuki, anda masih dapat melawat laman web kami tetapi sesetengah fungsinya mungkin tidak berfungsi dengan betul dan anda mungkin tidak dapat lagi menggunakan semua kefungsiian Laman web dan/atau App tersebut.

7. Jika anda berkomunikasi dengan kami melalui media sosial

Berkongsi Laman Web atau kandungan kami melalui media sosial

Jika anda memilih untuk berkongsi Laman Web, App atau kandungan kami melalui media sosial seperti LinkedIn, Facebook dan/atau Twitter, data peribadi anda (seperti nama anda dan minat anda tentang Shell) juga akan dapat dilihat oleh semua pelawat halaman web peribadi anda di LinkedIn, Facebook dan/atau Twitter. Berkenaan penggunaan laman web media sosial, hanya terma dan syarat (termasuk polisi privasi) laman web media sosial tersebut akan diguna pakai. Shell tidak bertanggungjawab ke atas pemprosesan data peribadi atau polisi privasi laman web media sosial tersebut dan oleh itu, Polisi Privasi Shell adalah tidak di guna pakai.

Halaman Facebook kami

Kami mempunyai halaman Facebook. Apabila anda berkomunikasi dengan kami menerusi laman Facebook (contohnya, apabila anda menyiarkan komen, memuat naik media, menghantar mesej peribadi atau menjadi peminat kami dengan mengklik butang "Like", kami boleh menerima data peribadi mengenai anda (seperti nama (pengguna) anda, foto profil, tempat anda tinggal, alamat e-mel dan jantina anda). Cara kami menggunakan data peribadi anda, ada diterangkan dalam Polisi Peribadi Facebook yang berkenaan, yang diguna pakai selain daripada (i) Polisi Privasi ini dan (ii) terma penggunaan dan lain-lain kenyataan daripada Facebook. Shell menggalakkan anda agar membaca dengan teliti terma penggunaan dan lain-lain kenyataan Facebook. Terma penggunaan tersebut dan kenyataan lain mungkin berbeza daripada Polisi Privasi ini.

8. Bagaimanakah kami melindungi data peribadi anda?

Kami telah melaksanakan teknologi dan Polisi dengan objektif untuk melindungi privasi anda daripada akses yang tidak dibenarkan dan penggunaan yang tidak wajar.

9. Siapakah yang boleh saya rujuk berkenaan soalan dan permintaan akses, pengeluaran dsb.

Kami bertujuan untuk menyimpan data mengenai anda setepat yang mungkin. Jika anda ingin menyemak, menukar atau memadam butiran yang telah anda berikan kepada kami, sila e-mel SITI-MLM-Support@shell.com.

10. Polisi Privasi dalam Bahasa Malaysia

Polisi Privasi ini juga disediakan dalam Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang klausa yang tidak konsisten di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.